

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]

TARIKH : 17.3.2016

SOALAN : NO. 11

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam mengawal harga makanan di institusi pengajian tempatan berikutan sejak kebelakangan isu penuntut universiti yang sering dibangkitkan di media massa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Awam (UA) telah diberi autonomi untuk menguruskan perkara-perkara di bawah pentadbiran UA termasuk melantik syarikat-syarikat untuk menjual makanan dan minuman kepada mahasiswa. Prinsip asas pemberian autonomi bagi (UA) turut menekankan kepentingan pemantapan sistem dan struktur tadbir urus di samping memastikan amalan kebertanggungjawaban, ketelusan, akauntabiliti serta kualiti (*value for money*) dalam semua urusan.

UA sentiasa melaksanakan pemantauan dalam memastikan harga makanan dan minuman yang ditawarkan kepada mahasiswa oleh syarikat-syarikat yang dilantik adalah berpatutan. Di samping itu, **sesi engagement** di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,

Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bersama UA turut dilaksanakan bagi menangani isu ini di bawah bidang kuasa masing-masing. Selain itu, KPT juga sentiasa memberi teguran sekiranya mendapati terdapat aduan daripada masyarakat berkaitan perkara ini.